
NTU unggul senarai varsiti baru dunia

UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) menduduki tempat teratas sebagai universiti muda dunia oleh perundingan pendidikan London, Quacquarelli Symonds (QS), buat tahun keenam berturut-turut.

Satu-satunya universiti Singapura yang tersenarai dalam 10 kedudukan teratas dalam ranking *QS Top 50 Under 50*, NTU menyaksikan peningkatan skor keseluruhannya sepanjang tahun lalu.

Penambahbaikan terbesar dilihat dalam penyelidikan setiap fakulti dan reputasi majikan, menurut kenyataan universiti itu.

Kedudukan senarai itu menggunakan metodologi sama yang digunakan dalam Peringkat Universiti QS Dunia. Kaedah itu berdasarkan enam petunjuk: reputasi akademik, reputasi majikan, kutipan penyelidikan setiap ahli fakulti, nisbah fakulti/pelajar, kadar pelajar antarabangsa dan kadar antarabangsa ahli fakulti.

Jurucakap NTU dalam kenyataan itu berkata:

“Dinamakan universiti muda nombor satu di dunia buat tahun keenam berturut-turut ialah pencapaian luar biasa buat NTU dan Singapura. Ini bukti kerja keras dan pencapaian fakulti dan pelajar kami dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam pendidikan, penyelidikan, inovasi, penglibatan industri dan kesan masyarakat.”

Pengiktirafan berlaku ketika NTU berada di tempat ke-11 bersama Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam *QS World University Rankings* bulan lalu bersama kedudukan tertinggi peringkat universiti QS Asia Pasifik.

NTU menunjukkan rentak peningkatan yang utuh tahun lalu dalam beberapa penilaian universiti dunia berbeza oleh entiti bebas yang berlainan, menggunakan pelbagai kriteria dan metrik pemilihan.

Dalam satu lagi senarai liga global yang diumumkan minggu lalu, NTU satu-satunya universiti Singapura yang menduduki ranking nombor satu di dunia buat dua mata pelajaran, yakni sains dan teknologi nano, serta sains dan kejuruteraan tenaga.